



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

Secretary General  
Ministry of Works Malaysia  
Tingkat 5, Blok A  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000  
Faks : 603-2711 6564  
Laman Web : www.kkr.gov.my

Ruj. Kami : KKR.BK.400-2/2/43/4 Jld. 11 ( 4 )

Tarikh : 29 Julai 2020

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**KELONGGARAN PENGANJURAN ACARA / MAJLIS / KERAJIAN RASMI  
KERAJAAN / MESYUARAT / BENGKEL / KURSUS / SEMINAR SEPANJANG  
TAHUN 2020 DAN 2021**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk perkara di atas dan surat Rujukan:  
KKR.BK.400-2/2/43/4 Jld. 9 (10) bertarikh 09 Mac 2020.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, PB 3.1 telah menetapkan bahawa penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel hendaklah dihadkan dan sekiranya diadakan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan skop penganjuran dibuat secara sederhana dengan mengambil kira sebarang penganjuran diadakan di institusi latihan awam (ILA) atau premis/ kemudahan sedia ada milik Kerajaan yang bersesuaian (Perenggan 3.10).

3. Selaras dengan pengumuman pakej-pakej rangsangan ekonomi 2020 yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui surat Rujukan: MOF.NBO(S)600.1/4/1 (44) bertarikh 29 Jun 2020, **telah bersetuju** supaya kelonggaran penganjuran semua majlis/acara tersebut **sepanjang tahun 2020 dan 2021** boleh dilaksanakan di premis **selain daripada ILA atau premis/kemudahan sedia milik Kerajaan yang bersesuaian termasuk hotel** bagi merangsang industri/sector pelancongan negara. Namun begitu, semua perancangan perbelanjaan penganjuran majlis/acara tersebut hendaklah dibuat secara berhemah dan proses perolehan perkhidmatan penganjuran hendaklah teratur dan mematuhi peraturan perolehan/kewangan semasa yang berkuatkuasa. Tatacara pelaksanaan penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan PK 7.1: Perolehan Bagi

...2/-

**'KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT'**



CERTIFIED ISO 001:2008  
CERT NO ART 0330

CERTIFIED ISO 001:2008  
CERT NO ART 0330

CERTIFIED ISO 001:2008  
CERT NO ART 0330

Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan dan  
PK 7.2: Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej.

4. Sehubungan dengan itu, perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon bahawa kelonggaran ini adalah tertakluk kepada **peruntukan sedia ada** di Pusat Tanggungjawab / Pusat Kos YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan sahaja. Pihak YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan yang telah dikhususkan untuk tanggungan komitmen Kerajaan, termasuk bagi bayaran kontrak-kontrak yang sedang berkuatkuasa bagi membiayai kos penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ bengkel/ kursus/ seminar pada tahun 2020 dan 2021.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. SYED OMAR SYARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN)**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kerja Raya  
**MALAYSIA**

s.k. :

**TKSU (D&P)**

**TKSU (P)**

**KPKR**

**TKPKR (Infra)**

**TKPKR (Bangunan)**

**TKPKR (Pakar)**